

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM AMAL "ALLIANZ CARE FOR MALAYSIANS"
Lokasi : SUNWAY PYRAMID CONVENTION CENTRE
Tarikh : 02-10-2002

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi mengundang saya sebagai tetamu khas untuk Majlis Makan Malam Amal "Allianz Cares for Malaysians" ini. Saya berasa sungguh bangga dan gembira berada di majlis ini kerana difahamkan bahawa terdapat hampir 2,000 dermawan yang telah menghulurkan sumbangan mereka kepada projek amal ini. Kemuliaan dan kemurahan hati mereka ini membuktikan bahawa masyarakat kita masih mengambil berat di antara satu dengan yang lain. Ia juga menunjukkan sikap prihatin terhadap masyarakat sekeliling masih wujud di dalam diri kita.

2. Kebanyakan daripada kita tidak menyedari betapa ramainya antara masyarakat Malaysia yang memerlukan pertolongan. Perangkaan menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 106,000 orang berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya dan mereka terdiri daripada kanak-kanak, orang tua dan pekerja cacat. Di samping itu, kita juga harus ingat ada antara mereka yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan yang berusaha sendiri untuk memperolehi sumbangan melalui cara-cara yang lain.

3. Bagaimana pula dengan badan-badan kebajikan/amal sama ada yang menerima elaun kerajaan mahupun yang beroperasi secara bebas? Bilangan mereka ini yang kian bertambah membuktikan bahawa masih ramai golongan yang kurang upaya, golongan yang didera, mereka yang dilanda bencana dan fakir miskin. Pembinaan pusat-pusat ini amat diperlukan untuk memberi peluang kepada mereka yang kurang berupaya supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Dalam usaha kita untuk memajukan negara, kita harus ingat bahawa pembangunan sesebuah negara bukan sahaja bergantung kepada kestabilan ekonomi, tetapi juga pada taraf kehidupan masyarakatnya. Negara tidak boleh dikatakan maju dengan hanya berdasarkan kestabilan ekonominya sahaja. Bagaimana pula dengan kestabilan sosialnya? Keseimbangan harus dicapai di antara kestabilan ekonomi dan taraf hidup masyarakat kita dan salah satu caranya ialah dengan pertolongan dan simpati mereka yang lebih bernasib baik kepada mereka yang kurang bernasib baik. Dengan lain perkataan, kita mesti berusaha membentuk masyarakat Malaysia yang penyayang agar keadaan sosio-ekonomi negara kita seimbang.

5. Walaupun terdapat badan-badan kebajikan, tetapi usaha mereka, ketekunan mereka dan masa depan mereka ini memerlukan sokongan kita semua. Kita tidak boleh hanya mengharap badan-badan kebajikan sahaja yang menganjurkan aktiviti amal. Kita juga tidak boleh mengharap hanya Kerajaan sahaja yang menghulurkan bantuan kewangan dan sokongan kepada mereka yang kurang upaya. Khidmat dan pertolongan daripada pihak Kerajaan adalah terhad. Justeru sokongan dan pertolongan organisasi swasta atau korporat amatlah diperlukan.

6. Oleh itu, inisiatif Allianz Life Insurance Malaysia serta Persatuan Agen-agennya untuk menganjurkan projek besar-besaran "Allianz Cares for Malaysians Charity Drive" harus dipuji dan dicontohi oleh badan-badan korporat yang lain. Kerjasama di antara badan-badan kebajikan, institusi-institusi korporat dan organisasi yang lain melambangkan kemufakatan rakyat Malaysia serta mampu merapatkan jurang perbezaan taraf hidup rakyat Malaysia.

7. Mungkin disebabkan kesibukan seharian, organisasi yang lain tidak dapat menganjurkan projek amal seperti ini, tetapi dengan sokongan melalui derma kewangan kepada mereka yang berusaha menganjurkan aktiviti seumpama ini, sudah memadai. Saya diberitahu bahawa kebanyakan dermawan pada Majlis Makan Malam Amal ini merupakan organisasi korporat lain. Syabas kepada mereka kerana bermurah hati menghulurkan sumbangan mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Sebagai ahli korporat dan rakyat yang perihatin terhadap masyarakat, Allianz Life Insurance telah menunjukkan keikhlasan mereka dengan menganjurkan aktiviti amal ini. Saya mengucapkan syabas kepada Allianz Life Insurance Malaysia Berhad serta semua pihak yang terlibat dalam usaha yang murni ini. Saya yakin sumbangan yang diterima itu amat berfaedah dan akan digunakan oleh badan-badan kebajikan tersebut sebaik mungkin.

9. Ribuan terima kasih juga kepada para dermawan yang telah sudi dan ikhlas menghulurkan sumbangan. Saya berharap melalui usaha mereka ini akan mendorong lebih ramai lagi organisasi korporat serta individu untuk menyokong, membantu dan menganjurkan kerja-kerja amal dan kebajikan seumpama ini untuk menolong golongan yang memerlukan dan membantu dalam membentuk masyarakat Malaysia yang penyayang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.